

21/05/1998

MB, KM beri laporan sumber air

Ibrahim Muhamad

KUALA TERENGGANU, Rabu - Semua Menteri Besar dan Ketua Menteri akan menyediakan laporan sumber air di negeri masing-masing untuk dibentangkan pada mesyuarat Majlis Air Negara (MAN) yang akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

Pengerusi Jemaah Menteri Besar dan Ketua Menteri, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata persetujuan itu dicapai dalam mesyuarat yang dihadiri Menteri Besar dan Ketua Menteri di Kuala Lumpur semalam.

Beliau berkata, sumber air berkenaan termasuklah sungai, tasik dan air bawah tanah.

"Laporan itu akan membolehkan MAN mengetahui kemampuan setiap negeri untuk membekalkan air kepada penduduk dan tambahan yang diperlukan apabila berlaku masalah," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco kerajaan negeri, di sini, hari ini.

Selain itu katanya, mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri juga diminta setiap negeri memainkan peranan supaya setiap punca air tidak dimonopoli pihak tertentu.

Menurutnya, dalam mesyuarat itu beberapa pindaan cadangan dalam kertas peruntukan MAN untuk kebaikan bersama.

Beliau berkata, dalam perbincangan MAN nanti, beberapa perkara akan dibangkitkan terutama dari segi harga air dan kos pemasangan paip utama yang membabitkan pengambilan balik tanah milik individu di negeri terbabit.

Wan Mokhtar yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, mesyuarat Exco yang dipengerusikannya semalam meluluskan kertas pindaan peruntukan MAN dan akan dihantar kepada Kementerian Kerja Raya untuk dibawa ke MAN nanti.

Sehingga ini katanya, kerajaan negeri sudah mengenal pasti sumber air iaitu lapan sungai utama, Tasik Kenyir, air bawah tanah di Kepong, Kuala Terengganu dan Batu Rakit Setiu.

Beliau berkata, sumber air dari sungai dan air bawah tanah di Kepong di sini sedang digunakan sebagai punca bekalan air bersih untuk minuman dan industri di seluruh negeri ini.

(END)